KEDUA :

Amaran Jangan Mengikuti Hawa Nafsu

فَإِنَّ أَمَّارَتِيْ بِالسُّوْءِ مَا اتَّـــعَظَتْ **
مِنْ جَهْلِهَا بِنَذِيْـــرِ الشَّيْـــبِ وَالْهَرَمِ

وَلاَ أَعَدَّتْ مِنَ الْفِعْلِ الْجَمِيْلِ قِرَى **
ضَيْـــفٍ أَلَمَّ بِرَأْسِيْ غَيْرَ مُحْـــتَشَمِ

لَوْكُنْـــتُ أَعْلَمُ أَنِّي مَـــآ أُوَقِّرُهُ **
كَتَمْتُ سِـــرًّا بَدَالِيْ مِنْهُ بِالْـــكَتَمِ

مَنْ لِي بِرَدِّ جِمَاحٍ مِنْ غَوَايَتِهَا **
كَمَـــا يُرَدُّ جِمَاحُ الْخَيْـــلِ بِاللُّجُمِ

Sesungguhnya nafsu ammarah yang bertapak di lubuk hatiku masih belum mahu menerima nasihat;

Kerana jahilnya dari peranan peringatan yang dibawa oleh uban dan hari tua.

Kelihatannya, diriku masih belum membuat apa-apa persiapan (amal soleh) untuk meraikan tetamu (uban);

Yang telah lama bertapak dikepalaku dan nampaknya tetamu itu sudah tidak mahu beredar dari situ.

Seandainya aku tahu bahawa aku belum dapat menghormati tetamu tadi (uban);

Sudah tentu uban itu akan kututupi dengan warna inai.

Siapakah kiranya yang dapat menolongku untuk mengawal keganasan nafsu;

Sepertimana kuda yang garang itu dapat dikawal dengan tali hidungnya.

فَلاَ تَرُمْ بِالْمَعَاصِيْ كَسْرَ شَهْــوَتِهَا **

إِنَّ الطَّــعَامَ يُقَوِّيْ شَهْــوَةَ النَّـــهِمِ

وَالنَّفْسُ كَالطِّفْلِ إِنْ تُهْمِلْهُ شَبَّ عَلَى **

حُبِّ الرَّضَاعِ وَإِنْ تَفْطِمْـــهُ يَنْـــفَطِمِ

فَاصْرِفْ هَوَاهَـــا وَحَاذِرْ أَنْ تُوَلِّيَهُ **

إِنَّ الْهَوَى مَا تَوَلَّى يُصْمِ أَوْ يَصِــــمِ

وَرَاعِهَا وَهْيَ فِى الْأَعْمَالِ سَائِمَةٌ **

وَإِنْ هِيَ اسْتَحْلَتِ الْمَرْعَى فَلاَ تُسِمِ

كَمْ حَسَّنَتْ لَــذَّةً لِلْمَرْءِ قَـــاتِلَةً **

مِنْ حَيْثُ لَمْ يَدْرِ أَنَّ السُّمَّ فِى الدَّسَمِ

وَاخْشَ الدَّسَآئِسَ مِنْ جُوْعٍ وَمِنْ شِبَعٍ **

فَرُبَّ مَخْــمَصَةٍ شَـــرٌّ مِنَ الـــتُّخَمِ

Maka janganlah engkau sekali-kali mengharapkan nafsu itu dapat dikalahkan dengan memperturutkan kehendaknya;

Bagaikan makanan tidak akan dapat memuaskan nafsu makan, bahkan ia akan ketagihan bila diberi makan.

Dan nafsu itu seperti kanak-kanak jikalau engkau biarkan ia akan terus menyusu sampai ke tua;

Suka menyusu tetapi jika engkau berhentikan, ia akan berhenti.

Maka kendalikanlah hawa nafsumu dan jangan diberikan kesempatan kepadanya untuk menguasai engkau;

Kerana jika ia berkuasa, sudah pasti ia akan membuta dan menulikanmu.

Jagalah nafsumu baik-baik walaupun ia telah berlegar dalam ruang ketaatan;

Kerana bila ia sudah menguasai suasana ia akan memesongkan tujuan ketaatan. Maka jangan engkau lengah dari menguasainya.

Berapa banyak ia telah menipu orang. Ia menyajikan makanan yang kelihatannya segar, padahal di dalamnya ada racun yang membunuh;

Bukankah racun selalunya diletakkan pada makanan yang lemak-lemak (yang sedap-sedap).

Oleh itu curigalah kamu dari tipu helahnya, sama ada melalui lapar atau kenyang;

Kerana barangkali lapar itu lebih jahat dari kenyang.

وَاسْتَفْرِغِ الدَّمْعَ مِنْ عَيْنٍ قَدِامْتَلأَتْ **

مِنَ الْمَحَــارِمِ وَالْزَمْ حِمْــيَةَ النَّدَمِ

وَخَالِفِ النَّفْسَ وَالشَّيْطَانَ وَاعْصِهِمَا **

وَإِنْ هُمَــا مَحَّضَاكَ النُّصْــحَ فَاتَّهِمِ

وَلاَ تُطِعْ مِنْهُمَا خَصْمًا وَلاَحَكَمًا **

فَأَنْتَ تَعْرِفُ كَيْدَ الْخَصْمِ وَالْحَكَمِ

أَسْتَغْــفِرُ اللهَ مِنْ قَوْلٍ بِلاَ عَمَلٍ **

لَقَدْ نَسَبْتُ بِــهِ نَسْــلاً لِذِيْ عُقُمِ

أَمَرْتُكَ الْخَيْرَ لَكِنْ مَا ائْتَمَرْتُ بِهِ **

وَمَا اسْتَقَمْتُ فَمَا قَوْلِيْ لَكَ اسْتَقِمِ

وَلاَ تَزَوَّدْتُ قَبْلَ الْمَوْتِ نَافِلَةً **

وَلَمْ أُصَلِّ سِوَى فَرْضٍ وَلَمْ أَصُــمِ

Biarlah air matamu kering dari menangisi dosa, kerana sudah sekian lama ia kenyang;

Dengan maksiat dan tetaplah engkau menjaga penyesalannya (taubatnya).

Lawanlah nafsu dan syaitan dan jangan kau turuti keduanya;

Seandainya keduanya menasihatimu, maka jangan engkau hiraukan.

Jangan engkau ikuti keduanya, sama ada sebagai musuh atau sebagai hakim;

Kerana engkau tahu bagaimana helah musuh dan permainan hakim.

Aku meminta ampun akan Allah dari dosa perkataan yang tidak diiringi dengan amalan;

Kerana hal itu sama dengan mencari keturunan dengan cara berkahwin dengan orang yang mandul.

Dosaku terlalu berat, kerana aku menyuruh engkau melakukan kebaikan tetapi aku tidak melaksanakannya;

Dan aku menyuruh engkau supaya Istiqamah (tetap pendirian) tetapi aku sendiri belum tetap pendirian.

Duhai malangnya nasibku, bila bekalan belum dibuat untuk menghadapi kematian;

Dan sebenarnya aku tidak solat atau puasa kecuali yang wajib-wajib sahaja.